

D826

U 8833 AAB

MAHATHIR

KELANA JAYA, 28 NOV (BERNAMA) -- WANITA ISLAM DI NEGARA INI DIINGATKAN TENTANG CABARAN BESAR YANG SEDANG BERLAKU DAN BOLEH MEMPENGARUHI FIKIRAN MEREKA SECARA POSITIF ATAU NEGATIF.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA CABARAN ITU MERUPAKAN +REVOLUSI+ WANITA, YANG BERLAKU DI BARAT SEMENJAK TAMATNYA PERANG DUNIA KEDUA, HASIL DARIPADA PENDAPAT BAHAWA PERKARA UTAMA BAGI MASYARAKAT MANUSIA ADALAH PERSAMAAN ATAU PERIMBANGAN.

+ PENDAPAT INI MENEGASKAN BAHAWA SEMUA MANUSIA, SAMA ADA LELAKI ATAU PEREMPUAN, PUTIH ATAU HITAM, MISKIN ATAU KAYA, BERPANGKAT TINGGI ATAU RENDAH, TERPELAJAR ATAU TIDAK ADALAH SAMA DAN SAMA BERHAK, + KATANYA KETIKA MERASMIKAN NADWAH WANITA ISLAM DI KOMPLEKS JEMAAH HAJI DI SINI HARI INI.

KATANYA SEKALIGUS PENDAPAT DAN FALSAFAH INI JELAS ADIL DAN PATUT DISANJUNG TINGGI TETAPI APABILA DITURUTI TANPA SEKATAN ATAU HADNYA MAKA KETERLALUAN AKAN BERLAKU DAN TUJUAN YANG BAIK BOLEH MENJADI BURUK.

DI BARAT KONSEP PERSAMAAN INI TELAH DIBAWA KEPADA PERINGKAT YANG TIDAK MUNASABAH LAGI APABILA DALAM SOAL LELAKI DAN PEREMPUAN MEREKA MESTI SAMA DALAM SEGALA-GALANYA, KATANYA. -- LAGI.

1206MST 28 11 86

D832

U 8837 AAB

MAHATHIR 2 KELANA JAYA

+ WALAUPUN TIDAK KETARA, TETAPI FALSAFAH INI SUDAH MERESAP JUGA DI KALANGAN WANITA ISLAM. SEKURANG-KURANGNYA FALSAFAH INI MEMPENGARUHI PEMIKIRAN WANITA ISLAM SAMA ADA SECARA NEGATIF ATAU POSITIF, + KATANYA.

DENGAN ITU, KATANYA, BERLAKU KELAINAN REAKSI DI KALANGAN WANITA ISLAM TERHADAP FALSAFAH ITU. SATU PIHAK, YANG TAKUT AKAN ALIRAN PEMIKIRAN WANITA BARAT INI, MENGANGGAP TIDAK BOLEH WUJUD PERSAMAAN SAMA SEKALI ANTARA HAK WANITA DENGAN HAK LELAKI SEMENTARA PIHAK LAIN, YANG BEGITU TERPIKAT DENGANNYA, PULA LUPA AKAN TEMPAT MEREKA DAN MENUNTUT SUPAYA TARAF DAN KEDUDUKAN MEREKA MENJADI SERATUS PERATUS SAMA DENGAN LELAKI SEHINGGA MEREKA LUPA AKAN SOPAN SANTUN WANITA ISLAM.

DALAM KEADAAN YANG MENIMBUKANKAN PERTIKAIAN INI, ADA DI ANTARA WANITA ISLAM YANG BERADA DALAM KEADAAN SERBA SALAH. SATU JENIS POLARISASI BERLAKU ANTARA MEREKA YANG INGIN BEBAS DAN MEREKA YANG INGIN MEMPERHAMBAKAN DIRI KEPADA LELAKI SEBAGAI TANDA KE-ISLAMAN, JELASNYA.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, KEADAAN SERBA SALAH INI SEDIKIT SEBANYAK TELAH MELEMAHKAN KEUPAYAAN WANITA ISLAM DALAM MEMAINKAN PERANAN YANG BERKESAN DAN BAIK BAGI MASYARAKAT ISLAM.

DALAM MENGHADAPI CABARAN INI, BELIAU MENYERU WANITA ISLAM SUPAYA MEMILIH JALAN TENGAH ATAU SEDERHANA SEPERTI YANG DITUNTUT OLEH ISLAM DALAM SEMUA BIDANG. -- LAGI.

1220MST 28 11 86

D844

U B845 AAB

MAHATHIR 3 KELANA JAYA

ISLAM, TEGASNYA, MEMBERI TARAF YANG SAKSAMA KEPADA WANITA TETAPI INI TIDAK BERMAKNA BAHAWA PERBEZAAN TIDAK WUJUD ANTARA LELAKI DAN PEREMPUAN.

+ ADA TUGAS DAN PERANAN YANG LEBIH SESUAI DAN LEBIH BAIK DIMAINKAN OLEH KAUM WANITA. TUHAN MENJADIKAN WANITA DENGAN SIFAT-SIFAT TERTENTU YANG MEMBERI KELEBIHAN KEPADA MEREKA DALAM SESETENGAH BIDANG. AMATLAH TIDAK SESUAI JIKA PERANAN INI DIMAINKAN OLEH LELAKI,+ TEGASNYA.

KATANYA SEKIRANYA WANITA MENERIMA HAKIKAT INI MAKA TIDAK AKAN BERLAKU LAGI PEMBERONTAKAN YANG SIA-SIA OLEH WANITA YANG KONONNYA INGIN BEBAS DALAM SEGALA-GALANYA DAN INGIN MENJADI SAMA SEPERTI LELAKI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBIDAS KAUM LELAKI YANG MENGAMBIL PELUANG DALAM KEADAAAN KEGELISAHAN DAN TIDAK TENTU ARAH DI KALANGAN KAUM WANITA MENGENAI HAK MEREKA DENGAN MEMPERALATKAN AGAMA ISLAM UNTUK MENIDAKKAN HAK ITU.

MEREKA MENOKOK-TAMBAHKAN AMALAN PELBAGAI JENIS LARANGAN KEPADA AMALAN AGAMA ISLAM UNTUK MENINDAS WANITA ISLAM DAN TIDAK LANGSUNG MEMBERI PERHATIAN TERHADAP PERANAN YANG BOLEH DIBUAT OLEH WANITA UNTUK MENGUKUHKAN MASYARAKAT ISLAM, KATANYA. -- LAGI.

1243MST 28 11 86

U B846 AAB

MAHATHIR 4 KELANA JAYA

KATANYA, SENTIMEN INI TELAH MEMBAWA KEPADA PERKAHWINAN +KONTRAK SEMENTARA+ YANG MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN LELAKI SEMATA-MATA DAN AMALAM POLIGAMI YANG TIDAK SEPERTI DIKEHENDAKI OLEH AGAMA ISLAM.

KIRA-KIRA 250 ORANG WANITA DARI SELURUH NEGARA MENGHADIRI NADWAH TIGA HARI ITU YANG BERMULA SEMALAM DAN DIANJURKAN OLEH YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM).

YANG TURUT MENGHADIRI UPACARA PERASMIAN ITU IALAH ISTERI PERDANA MENTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH. -- BERNAMA.

1244MST 28 11 86